

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

YFP 203/NKM 024 - Penerbitan Televisyen I

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) Bahagian. Jawab SEMUA Bahagian.

Bahagian A: Jawab soalan 1.

Masa tayangan dan jawapan: 1 jam 10 minit.

Pelajar dikehendaki meneliti rakaman berikut.

1. Nilai sistem-sistem simbol yang dibentuk dalam sedutan ini dan berikan satu tafsiran yang boleh menerangkan masalah yang digambarkan di sini.

(40 markah)

Bahagian B: Jawab soalan 2.

Masa tayangan dan jawapan: 55 minit.

Pelajar dikehendaki meneliti dan menilai segmen berikut yang dipetik daripada satu majalah televisyen.

2. Nilai struktur naratif dan teknik-teknik penerbitan yang digunakan dalam layanan isu ini. Pada pandangan anda, apakah kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pemaparan isu ini.

(30 markah)

...2/-

**Bahagian C:** Jawab **SATU** soalan.

3. Televisyen menekan unsur-unsur feminiti dan ia menonjolkan wanita sebagai masyarakat pasif. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat, nilaikan pandangan tersebut dalam konteks penerbitan rancangan-rancangan televisyen tempatan.  
(30 markah)
  
4. Dewasa ini, televisyen memberi keutamaan kepada rancangan-rancangan sukan. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang berkenaan, nilaikan bagaimana liputan sukan oleh televisyen boleh dikaitkan dengan ide-idea identiti nasional.  
(30 markah)
  
5. Siri-siri jenayah dikatakan menggalakkan pengekalan kuasa seperti polis, undang-undang dan status quo dalam masyarakat. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tepat, nilaikan ciri-ciri dominan yang digunakan dalam pemaparan penjenayah dan penjenayahan.  
(30 markah)

-oooOooo-